



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan : KKT&P: 100-4/22 JLD.2 (45)

Tarikh : 09 Januari 2025

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Presiden
Majlis Perbandaran Penampang

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif
Majlis-Majlis Daerah Seluruh Sabah

Tuan/Puan,

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.2/2025
PELARASAN GAJI PEGAWAI LANTIKAN MELALUI VOT TERBUKA DALAM
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Dengan segala hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dipanjangkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/2025 mengenai Pelarasan Gaji Pegawai Lantikan Melalui Vot Terbuka Dalam Perkhidmatan Awam Negeri untuk pelaksanaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pekeling ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan masing-masing.

3. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.2/2025, rujukan JPAN: 700-3/1 Jld.7 (7) untuk perhatian dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian dan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK JAMILI NAIS, PhD)
Setiausaha Tetap

"SABAH MAJU JAYA"



NEGERI SABAH

[JPAN: 700-3/1 Jld. 7 (7)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/2025

PELARASAN GAJI PEGAWAI LANTIKAN MELALUI VOT TERBUKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan bahawa pelarasan gaji Penjawat Awam Negeri melalui pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 adalah dipanjangkan kepada pegawai lantikan melalui vot terbuka dalam Perkhidmatan Awam Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Pelarasan gaji Penjawat Awam Negeri telah dilaksanakan melalui pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam berkuat kuasa pada 1 Disember 2024 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/2024. Walau bagaimanapun, pelarasan gaji bagi pegawai lantikan melalui vot terbuka tidak dinyatakan dalam Pekeliling tersebut. Sehubungan dengan itu, kadar dan tarikh pelaksanaan pelarasan gaji bagi pegawai lantikan melalui vot terbuka adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan ini.

“SABAH MAJU JAYA”

KADAR PELARASAN DAN TARIKH PELAKSANAAN

3. Pelarasan gaji secara berfasa diberikan seperti berikut:

Kumpulan perkhidmatan	Gred SSM	Gred SSPA	Kadar pelarasan dan tarikh pelaksanaan	
			Fasa 1: 1 Disember 2024	Fasa 2 : 1 Januari 2026
Pengurusan dan Profesional	41-54	9-14	8% atau minimum RM240.00	7%
Pelaksana	1-40	1-8		

4. Simulasi kaedah pelarasan gaji tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

PEGAWAI LANTIKAN MELALUI VOT TERBUKA YANG LAYAK

5. Pegawai lantikan melalui vot terbuka yang berada dalam situasi berikut layak untuk menerima pelarasan gaji secara berfasa :

a) Fasa 1

- I. pegawai yang dilantik sebelum 1 Disember 2024 dan sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024; atau
- II. pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024.

b) Fasa 2

- I. pegawai yang dilantik sebelum 1 Januari 2026 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2026; atau
- II. pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026.

“SABAH MAJU JAYA”

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR UNTONG, JP]
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **07 JAN 2025**

s.k.: Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri Sabah
Tingkat 8,9,10 dan 11, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”

**SIMULASI KAEDAH PELARASAN GAJI
BAGI PEGAWAI LANTIKAN MELALUI VOT TERBUKA YANG TELAH MENERIMA
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN SEBANYAK TIGA KALI DALAM PERKHIDMATAN
PELARASAN GAJI FASA 1 (RM240.00) DAN FASA 2 (7%)**

Skim Perkhidmatan Asal : Pembantu Tadbir (P/O), Gred N19
 Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji : 1 Disember 2024 (Fasa 1) /
 1 Januari 2026 (Fasa 2)
 TPG : 1 April
 Gaji hakiki pada 30 November 2024 : RM1,652.00
 JGMM Gred N19 : RM1,352.00 – RM4,003.00
 KGT Gred N19 : RM100.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	1,652.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	1,892.00 (1,652.00 + 240.00)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak RM240.00 kerana gaji pegawai kurang dari RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.4.2025	-	1,892.00	Tiada PGT kerana telah menerima pergerakan gaji tahunan sebanyak tiga kali dalam perkhidmatan.
1.1.2026	-	2,024.44 (1,892.00 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.

**SIMULASI KAEDAH PELARASAN GAJI
BAGI PEGAWAI LANTIKAN MELALUI VOT TERBUKA YANG BELUM MENERIMA
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN SEBANYAK TIGA KALI DALAM PERKHIDMATAN
PELARASAN GAJI FASA 1 (RM240.00) DAN FASA 2 (7%)**

Skim Perkhidmatan Asal : Pembantu Tadbir (P/O), Gred N19
 Tarikh Kuat Kuasa Pelarasan Gaji : 1 Disember 2024 (Fasa 1) /
 1 Januari 2026 (Fasa 2)
 TPG : 1 April
 Gaji hakiki pada 30 November 2024 : RM1,452.00
 JGMM Gred N19 : RM1,352.00 – RM4,003.00
 KGT Gred N19 : RM100.00

Tarikh	Gaji Asal (RM)	Gaji Baharu (RM)	Catatan
30.11.2024	1,452.00	-	Gaji pegawai sehari sebelum tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1.
1.12.2024	-	1,692.00 (1,452.00 + 240.00)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 1. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak RM240.00 kerana gaji pegawai kurang dari RM3,000.00. Gaji pegawai dipindahkan ke JGMM baharu.
1.4.2025	-	1,792.00 (1,692.00 +100.00)	Diberi PGT kerana belum menerima pergerakan gaji tahunan sebanyak tiga kali dalam perkhidmatan.
1.1.2026	-	1,917.44 (1,792.00 + 7%)	Tarikh kuat kuasa pelarasan gaji fasa 2. Pegawai diberi pelarasan gaji sebanyak 7%.